

**Sebarang peralihan kuasa perlu dilakukan secara aman, kata Najib
Malaysian Insider
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 3 April — Dalam ucapan semasa membubarkan Parlimen ke 12 sebentar tadi, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menyeru agar peralihan kuasa di peringkat persekutuan atau negeri perlu dilakukan secara aman.

Ucapan pengerusi Barisan Nasional (BN) itu dilihat sebagai komitmen beliau untuk menerima apa sahaja keputusan pilihan raya umum (PRU) ke 13 yang bakal diadakan tidak lama lagi.

"Jika terdapat peralihan kuasa, sama ada di peringkat persekutuan atau negeri, ianya perlu dilakukan secara aman," kata Najib dalam ucapan secara langsungnya yang disiarkan oleh stesen televisyen nasional pagi tadi.

Najib berkata kerajaan sentiasa komited memastikan keamanan, keselamatan dan masa depan yang cerah kepada seluruh rakyat Malaysia, disamping memberi jaminan kepada rakyat Sabah supaya tidak takut untuk keluar pada hari pilihan raya nanti.

"Ini adalah komitmen kami dalam menghormati suara dan kepentingan negara.

"Kepada semua rakyat Malaysia, terutamanya di Pantai Timur Sabah, jangan bimbang... Laksanakan dan tunaikanlah tanggungjawab untuk memastikan jaminan keselamatan negara anda. Setiap undi tuan dan puan ialah penting," katanya lagi.

Dalam ucapannya lagi, Najib menggesa parti politik dan rakyat untuk memberi kepercayaan penuh kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam menjalankan tanggungjawabnya mengendalikan pilihan raya paling penting dalam sejarah negara ini.

"Janganlah tidak yakin pada SPR, parti-parti politik hentikanlah daripada menabur syak wasangka serta menimbulkan keraguan keatas ketelusan badan tersebut pada pilihan raya nanti.

"Mari kita bersama-sama, tidak kira kerajaan atau pembangkang memberikan komitmen untuk memelihara keutuhan proses demokrasi dan menghormati keputusan yang dibuat oleh rakyat. Bersama-samalah kita berdoa agar pilihan raya kali ini akan berjalan dengan lancar, aman dan selamat," kata beliau lagi.

Najib juga menasihati rakyat Malaysia mengambil iktibar daripada apa yang berlaku diluar negara apabila sistem pilihan raya tidak dipercayai dan berlakunya kekacauan.

"Insafilah dan ambil iktibar daripada apa yang berlaku di negara lain, akhirnya apa sahaja keputusan pilihan raya dalam negara tidak dipercayai.

"Apabila sistem pilihan raya tidak dipercayai, negara menjadi tidak stabil... kemakmuran negara merudum dan rakyatlah juga yang menderita," ujarnya lagi.

Pagi ini, Najib telah mengumumkan secara langsung pembubaran Parlimen di pejabatnya Putrajaya bagi memberikan laluan kepada Pilihan Raya 2013 diadakan dalam bulan ini.

Ahli politik daripada parti pemerintah Barisan Nasional (BN) dan pembangkang Pakatan Rakyat (PR) bertarung merebut 222 kerusi parlimen dan 505 kerusi Dun pada Pilihan Raya 2013, The Malaysian Insider difahamkan ia bakal berlangsung dalam tempoh sebulan ini.

Seramai 13.3 juta pengundi, termasuk 3,000 yang menetap di luar negara telah mendaftarkan diri sebagai pengundi pada pilihan raya kali ini yang dilihat paling sengit dan penting untuk seluruh rakyat Malaysia.

Pegawai rasmi kerajaan menjangka kerajaan sedia ada akan mendapat majoriti tradisional dua pertiga mereka dengan memenangi sekurang-kurangnya 160 kerusi walaupun pada masa sama juga PR yang dipimpin Datuk Seri Anwar Ibrahim juga yakin untuk menang.

Kajian bebas menunjukkan BN mungkin boleh memenangi pilihan raya tetapi tipis dengan memperoleh 117 kerusi berbanding PR hanya 105 sahaja.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/sebarang-peralihan-kuasa-perlu-dilakukan-secara-aman-kata-najib/>